

Bil. S 27

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KELAKUAN JENAYAH (MENDAPATKAN KEMBALI HASIL)
(PINDAAN), 2007

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 30 dari S 52/00.
 3. Pemasukan bab 34A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KELAKUAN JENAYAH (MENDAPATKAN KEMBALI HASIL)
(PINDAAN), 2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kelakuan Jenayah (Mendapatkan Kembali Hasil) (Pindaan), 2007.

Pindaan bab 30 dari S 52/00.

2. Bab 30 dari Perintah Kelakuan Jenayah (Mendapatkan Kembali Hasil), 2000 (S 52/2000), dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dalam cerai (5) —

- (i) dengan memasukkan dalam perenggan (a)(i) "and drug trafficking" sejurus selepas "criminal conduct";
- (ii) dengan memasukkan dalam perenggan (a)(ii) "and drug trafficking" sejurus selepas "criminal conduct";
- (iii) dengan memasukkan dalam perenggan (a)(iii) "and drug trafficking" sejurus selepas "criminal conduct",

(b) dengan memasukkan dalam cerai (8), 2 takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "asset-sharing agreement" —

"confiscation order" means a confiscation order made under this Order or under the Drug Trafficking (Recovery of Proceeds) Act (Chapter 178), or an external confiscation order registered under this Order or under the Drug Trafficking (Recovery of Proceeds) Act (Chapter 178);

"drug trafficking" has the same definition as "drug trafficking" in section 2 of the Drug Trafficking (Recovery of Proceeds) Act (Chapter 178);".

Pemasukan bab 34A baru.

3. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 34 —

"Certificate of Attorney General.

34A. Where, in relation to any designated country, no authority has been specified in any order made under section 31, a certificate made by the Attorney General by notification in the *Gazette* to the effect that any authority specified therein is the appropriate authority for the purposes of that section and of any other provisions of this Order as modified by this Order, is sufficient evidence of that fact."

Diperbuat pada hari ini 21 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1428 bersamaan dengan 7 haribulan Jun, 2007 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM